

PM arah setiap lintasan keretapi dipasang pintu

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memutuskan agar semua lintasan keretapi dipasang pintu keselamatan untuk mengelakkan kemalangan.

Projek-projek ini akan dibiayai oleh Kerajaan Pusat, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Abdul Razak, malam tadi.

Ketika menggulung perbahasan anggaran perbekalan tambahan 1980 dan 1981 di Dewan Rakyat, beliau juga menafikan dakwaan setengah ahli pembangkang yang menuduh kerajaan cuai mengatasi masalah itu.

Datuk Najib berkata, kerajaan juga akan sedaya upaya menjimatkan belanja menguruskan pembangunan tahun depan bagi mengelakkan sebarang pembaziran.

Langkah ini, kata beliau, adalah perlu kerana setiap sebahagian besar peruntukan pembangunan adalah hasil pinjaman dalam dan luar negeri.

"Seboleh-bolehnya kita akan menjimatkan belanja. Ekonomi dunia kini tidak begitu stabil," katanya.

Tambahan

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak dapat mengelakkan meminta peruntukan tambahan kira-kira \$2.56 ribu juta untuk membiayai perbelanjaan tahun 1980 dan tahun ini.

"Perbelanjaan tambahan ini adalah di luar dugaan memandangkan kenaikan kos pengurusan dan harga barang," katanya lagi.

Jika tidak ditambah, jelasnya, mungkin projek-projek yang dirancang itu tidak dapat diteruskan dan ini sudah pasti boleh menimbulkan kemarahan rakyat.

Beliau tidak menafikan keadaan inflasi dan taraf ekonomi yang semakin tinggi menyebabkan perbelanjaan sesuatu projek meningkat berlipat ganda.

Peruntukan Kementerian Pelajaran misalnya, adalah sama banyak dengan keseluruhan Peruntukan Persekutuan tahun 1971.